

BAB II

LATAR BELAKANG SOSIO-POLITIK DAN EKONOMI MELAYU SEBELUM DASAR EKONOMI BARU (1900-1969)

2. 1 Sosio-Politik Melayu Sebelum DEB.
2. 1. 1 Sosio-Politik Melayu Sebelum 1945.

Menelusuri pekembangan sosio-politik Melayu kebanyakkan sarjana bermula pada era kesultanan Melayu Melaka dengan dasar bahawa era kegemilangan masyarakat Melayu bermula dari sana. Dari kerajaan Melaka suatu sistem politik lebih terorganisasi telah muncul¹ berbanding dengan kerajaan Melayu Kuno² yang terdahulu darinya. Namun, kajian ini tidak meninjau dengan mendalam keadaan sosio-politik masyarakat Melayu

¹ Sistem politik tradisional Melayu terdiri dari seorang raja yang berasal dari keturunan Diraja, di bawahnya terdapat sebilangan pembesar-pembesar yang terdiri dari golongan Diraja atau golongan bangsawan serta golongan kebanyakannya atau rakyat biasa. Pembesar negeri memegang jawatan tertentu seperti bendahara, laksamana, temenggung dan sebagainya. Di pihak raja yang memerintah pula dilantik seorang putera mahkota yang dikenali sebagai raja muda yang akan menaiki takhta jika raja mangkat. Raja memberi kuasa kepada pembesar daerah dalam menjalankan fungsi pentadbiran, pertahanan, kehakiman dan untuk memungut cukai bagi pihak raja. Manakala pada struktur masyarakatnya pula terdapat dua golongan utama iaitu golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. Golongan yang diperintah terdiri dari penduduk tempatan, peniaga, pedagang dan golongan penyebar agama Islam yang berasal dari daerah atau negeri lain. Masyarakat yang diperintah ini telah berbaur dengan masyarakat luar yang memperlihatkan berlakunya percampuran budaya tempatan dan luar. (J. M. Gullick 1978, Rustam Sani 1983: 141-145).

² Kerajaan Melayu kuno antaranya Funan yang muncul pada abad pertama masihi. Pusat kerajaan terletak di bahagian hilir dan delta Sungai Mekong menganjur ke Annam Tengah-Lembah Menam dan Utara Semenanjung Tanah Melayu (Hall 1984: 34). Campa, kerajaan Melayu kedua tertua di Semenanjung IndoChina iaitu di Annam (Vietnam Selatan dan Vietnam tengah). Campa mula muncul pada abad ke-2 (G. Coedes dlm Abdul Rahman Al-Ahmadi 1988: 12). Kerajaan Ho-lo-tan atau kelantan terletak di utara Semenanjung Tanah Melayu, muncul pada sekitar tahun 400-an (Slametmuljana 1981). Langkasuka muncul sekitar tahun 500-an terletak dari hulu negeri Perak hingga ke negeri Patani di Teluk Siam dan daripada Teluk Benggala sampai ke negeri Kedah (Intan 1991: 54). Manakala kerajaan Kartanegara yang terletak di Lembah Bujang, Kedah muncul pada abad ke-16 hingga abad ke-13 (Wheatley 1966). Kerajaan Melayu kuno ini sebahagian besarnya terletak di Indochina di mana tidak banyak bukti tertulis yang ditemui selain dari prasasti, candi dan artifak-artifak arkeologi.

sejak zaman Kesultanan Melaka kerana melalui bab ini pemilihan ruang temporal adalah sekitar 1900-an hingga DEB.³ Memandangkan dalam tempoh yang agak panjang itu terdapat banyak peristiwa yang terjadi menyangkut keadaan sosio-politik Melayu di Tanah Melayu, Malaysia kemudiannya, oleh itu kajian pada tahap ini akan dibuat dalam bentuk lintasan historis⁴ yang menyangkut dinamisme sosio-politik Melayu.⁵

Kebangkitan menyeluruh perkembangan sosio-politik Melayu disedari bermula pada sekitar tahun 1945 (Ramlah Adam 1978, Fawzi Basri 1992: 113-115), tetapi kesedaran tersebut mulai tumbuh sejak awal abad ke-20. Mereka yang menuntut di Timur Tengah⁶ yang menjadi pencetus perkembangan sosio-politik Melayu. Pelajar di

³ Singkatan DEB akan digunakan untuk seterusnya.

⁴ Sejarah Malaysia moden bermula pada akhir abad ke-18 apabila Sultan Kedah menyerahkan Pulau Pinang kepada Inggeris pada 1786 dengan syarat beliau dilindungi dari pihak Siam. Francis Light telah bersetuju dan memberikan pampasan sebanyak 6,000 dolar Sepanyol setahun kepada Sultan Kedah. 1819, Reffles menduduki Singapura dan menjadikannya sebagai pelabuhan dagang. Pada 1824 telah dimeterai perjanjian Inggeris-Belanda yang telah membahagikan dua kuasa politik di Nusantara dengan bahagian Barat Selat Melaka diserahkan kepada Belanda dan sebelah timurnya kepada kekuasaan Inggeris. Berikutnya itu Melaka, Singapura dan Pulau Pinang diletakkan di bawah satu pentadbiran yang dinamakan Negeri-Negeri Selat (NNS). Pertelingkahan yang terjadi di kalangan pembesar Melayu telah mengundang kehadiran Inggeris sebagai tempat meminta bantuan. Sehingga 1895 Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak digabungkan di bawah satu pentadbiran yang dinamakan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Akibat masalah yang sama, antara tahun 1909-1914 lima buah negeri lagi telah disatukan di bawah satu unit politik yang dinamakan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB). Semua NNMB dan NNMTB ditempatkan seorang Residen Inggeris. Menjelang Kurun ke-20 seluruh Tanah Melayu dan Kepulauan Borneo (Sabah dan Sarawak) berada dalam kolonial Inggeris (Fong Chan Onn 1991: 1-5).

⁵ Menyentuh perbincangan tahap awal sosio-politik Melayu terdapat berbagai istilah yang digunakan terutama oleh sarjana tempatan. Peminat dan pengkaji politik UMNO secara ilmiah memberikan istilah yang berbagai. Fawzi Basri, Mohd. Idris Salleh & Shafiee Saat (1991) cenderung menggunakan gerakan nasionalisme Melayu. Pencatat UMNO yang dedikasi, Ramlah Adam (1978) sering menggunakan istilah tahap nasionalisme Melayu, Wan Hashim (1993) menggunakan istilah fasa awal politik Melayu. Untuk kajian ini, mengambil sikap dengan menggunakan istilah perkembang sosio-politik Melayu. Tujuan maksud tetap sama iaitu untuk melihat rentetan sosio-politik Melayu berjalan serentak antara sosio-politik dan ekonomi. Ini kerana perkembangan politik Melayu tetap dilihat seiring dengan perkembangan keadaan sosio-ekonomi Melayu. Contohnya perkembangan pendidikan, interaksi lingkungan, pekerjaan dan pendedahan kepada dunia luar adalah sangat mempengaruhi tumbuhnya kesedaran sosio-politik Melayu.

⁶ Antara tahun 1924 hingga 1927 terdapat seramai 27 penuntut Melayu dihantar ke Timur Tengah. Di Kaherah sahaja jumlah berkenaan telah bertambah menjadi seramai 80 orang (Hambali 1981: 1). Selebihnya terdapat di Mekkah, Masjidil -Haram dan Al-Azhar. Kejayaan pelajar Melayu menuntut di Timur

Universiti Al-Azhar telah terpengaruh dengan refomis Islam yang dipimpin oleh Muhammad Abdur. Gerakan ini bukan berpaksikan politik pada tahap awal penubuhannya tetapi adalah tentang modenisasi Islam. Gerakan ini menekankan keperluan Islam dalam dunia moden yang dikaitkan dengan sains, matematik dan teknologi Barat (Chamil Wariya 1987: 20-21). Ini bermakna Islam bukan statik, tidak boleh direglasikan berdasarkan keadaan semasa, asalkan tidak terkeluar dari landasan Islam. Mereka muncul sebagai golongan intelektual yang berkeinginan tinggi untuk memperbaiki sosio-politik Melayu. Mereka bercita-cita untuk membangunkan daya pemikiran tinggi dengan percaturan moden, pembaharuan pendidikan yang lebih mencabar dan beraneka serta pembelaan terhadap agama Islam dari pengaruh Barat serta berusaha untuk proteksi daya suntikan kepada muslimin di Tanah Melayu (Khoo Kay Kim 1982: 174).

Pemahaman tentang modenisasi Islam serta semangat kesedaran menimbulkan perbezaan antara mereka dengan ahli agama yang berada di Tanah Melayu. Kaum Tua dan Kaum Muda, wujud polimik yang ketara antara mempertahankan tradisi budaya dengan memperjuangkan daya intelektual bersandarkan realiti. Benturan ini menyaksikan polimik yang berpanjangan dengan masing-masing mempertahankan strategi klasik dan satu pihak lagi menyusun pendekatan baru. Pertentangan yang nyata ialah pada kaca mata Kaum Muda, Kaum Tua lebih mementingkan hal keagamaan yang konvensional sehingga mengenepikan aspek keduniaan sedangkan hal ini sama dituntut dalam Islam.

Tengah ini melambangkan kualiti sekolah agama sama ada melalui sistem pondok atau madrasah adalah terbukti memuaskan (Intan 1991: 769-771).

Mereka mengkritik bahawa ahli agama ini tidak arif tentang ilmu agama yang sebenarnya. Mereka memperolehi dan mewarisi ilmu berkenaan dari orang yang terdahulu yang memiliki kapasitas ilmu yang tidak lengkap serta pendekatan yang monoton. Kaum Tua pada pendangan Kaum Muda ialah mereka masih berpegang teguh kepada fahaman lama terutama dari segi ajaran agama dan sosialisasi yang tidak bersesuaian, mementingkan akhirat malah fahaman agama mereka pula turut dipengaruhi oleh unsur animisme. Kaum Tua berkenaan terdiri dari ulama, guru agama, imam, kadi dan pegawai agama yang dilantik oleh sultan (Fawzi Basri, Mohd. Idris Salleh & Shafiee Saat 1991:116). Kaum Tua menuduh kaum Muda sebagai murtad kerana membawa perkara yang bid'ah dalam tradisi Islam. Kaum Muda menyedari idea nasionalis mereka ditentang malah orang Melayu sendiri ketika itu dianggap belum cukup bersedia untuk bebas dari penjajah kerana sultan dan raja Melayu sendiri mahukan Inggeris sebagai pelindung ditambah pula dengan polimik mereka dengan ulama raja yang konservatif (Muhamad Che Su, Fauziah 1994: 66-67). Kaum Muda telah mendayagunakan fasiliti yang mereka miliki untuk mempertahankan diri serta mendapatkan dukungan orang Melayu melalui saluran ceramah dan kuliah-kuliah agama. Situasi berbeza kepada Kaum Tua kerana mereka menguasai semua institusi pemerintah seperti masjid, madrasah, surau, dan sekolah agama. Kesempatan sedemikian tidak diperolehi oleh Kaum Muda lebih-lebih lagi di NNMB, tetapi tidak di NNS yang tidak terdapat institusi raja, oleh itu peranan Kaum Tua tidak berpengaruh (Salleh Gaus 1984: 7). Kesempatan ini digunakan oleh Kaum Muda sebagai tempat menjana idea mereka. Meskipun institusi yang

disebutkan tidak dikuasai tetapi mereka⁷ masih berhasil menggunakan madrasah dan sekolah-sekolah agama⁸ untuk menyebarkan idea mengenai kebebasan, kemerdekaan dan kemajuan kepada orang Melayu. Konflik antara Kaum Tua dan Kaum Muda membuktikan bahawa peranan ulama cukup kuat dalam mempengaruhi orang-orang Melayu. Keadaan ini bukan sahaja kerana mereka menguasai institusi dalam negeri, tetapi terdapat dua faktor pendukung lainnya iaitu kedudukan ulama merupakan kedudukan sosial yang dipandang tinggi oleh Masyarakat (Mazidah Zakaria 1967: 183). Kedudukan sebagai ulama secara tradisinya merupakan kedudukan yang terpandang dan dihormati serta ajaran mereka dianggap suci (Roff 1975: 10-11). Kedua; jawatan ulama adalah jawatan yang dilantik oleh sultan. Dua faktor ini dapat menambah ikatan yang kukuh kepada persepsi orang Melayu terhadap kedudukan ulama dalam masyarakat. Dalam hal ini peranan ulama dapat dilihat dari, dua alenia yang berbeza. Pertama; kedudukan ulama dapat dipergunakan untuk mempengaruhi masyarakat dan kedua kedudukan ulama sebagai penghalang motivasi gerakan yang dibawa oleh Kaum Muda.

Wadah yang digunakan oleh Kaum Muda untuk menyalurkan idea melalui peranan akhbar dan majalah. Mereka telah menggunakan akhbar Melayu Al-Imam yang diterbitkan pada tahun 1906 di Singapura. Akhbar-akhbar lain yang digunakan seperti Neraca (1911-1915), Utusan Melayu (1907-1922), Lembaga Melayu (1914-1931), Seruan

⁷ Pengaruh idea reformasi Kaum Muda yang dipelopori Sheikh Tahir Jalaluddin dan Syed Sheikh Al-Hadi.

⁸ Antara Madrasah yang berkesempatan dipergunakan untuk ceramah reformasi adalah seperti Madrasah Muhammadiah, Kota Bahru (1917), Madrasah Al-Masyhur Islamiah, Pulau Pinang (1920), Madrasah Al- Diniah, Padang Rengas Perak (1924) dan Daeratul Maarif Wataniah, Kepala Batas, Seberang Perai (1925) (Wan Hashim 1993: 157-158).

Al-Azhar (1925) dan Pilihan Timur (1927) (Abdullah Ghazali 1996:17-20). Akhbar Seruan Al-Azhar agak menarik kerana ia diterbitkan di Mesir oleh pelajar Melayu yang menuntut di Universiti Al-Azhar. Mereka telah bergabung dengan pelajar Indonesia (Salleh Gaus 1984: 6) di bawah Persatuan Al-Jami'iah A-Khairiah dengan matlamat memberi sinar dan cahaya kepada tanah air (Roff 1975:110-111, Abdullah Ghazali 1996: 19, Hambali 1995: 1-2 & Wan Hashim 1993). Akhbar ini telah digunakan untuk menyampaikan isu agama, sosial, politik dan ekonomi. Penekanan ditumpukan juga meliputi bukan untuk mentadbir sendiri kerana pentadbiran masih diperlukan pemantauan dari pihak Inggeris. Penerbitan lain yang turut dijadikan saluran pencetus idea modenisasi sosio-politik dan ekonomi seperti Idaran Zaman (1925), Al-Ikhwan (1926), Saudara (1928) Warta Melayu (1930-1941).⁹

Selain dari golongan yang mendapat didikan dalam jurusan agama yang telah melahirkan reformis agama, terdapat pula golongan yang mendapat didikan Melayu dan Inggeris di Tanah Melayu. Mereka yang dari aliran ini menghasilkan golongan intelek baru dan reformis Melayu. Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) telah ditubuhkan di Tanjung Malim dengan tujuan menampung golongan proletariat yang berkelulusan untuk dididik sebagai guru di daerah masing-masing. Lepasan MPSI diketuai oleh Ibrahim Haji Yaacob yang telah memimpin penubuhan Kesatuan Melayu Muda (KMM) dengan gerak politik untuk merdeka bersama Indonesia. Ini menunjukkan golongan guru adalah kelompok pertama yang lantang memperjuangkan politik Melayu (Hambali 1995:3-4, Fawzi, Mohd. Idris & Shafiee 1991: 126-127 dan Chamil 1985: 17-18 dan 1987: 21-22).

⁹ Lihat lampiran I keterangan akhbar dan majalah yang terbit antara 1906-1945

KMM adalah dari kelompok radikal Melayu kerana mengambil pendekatan anti Inggeris, anti raja dan condong kepada nasionalisme Indonesia. Sewaktu pendudukan Jepun di Malaya, KMM memberi kerjasama dengan Jepun tetapi pada pertengahan 1942 apabila Jepun mendapati KMM mencabarnya, Jepun telah membubarkan KMM. Setelah KMM dibubarkan, Ibrahim Yaacob telah menyusun semula KMM tetapi dengan menamakannya Pembela Tanah Air (PETA). Apabila Inggeris kembali semula ke Tanah Melayu, PETA telah dibubarkan.. Pada 1942 Ibrahim Yaacob menubuhskan pula Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dengan tujuan politiknya sama dengan teras perjuangan KMM. Namun, belum sempat Indonesia merdeka bersama Malaya, Jepun telah menyerah kalah kepada pihak Berikat dalam Perang Dunia Kedua. Selepas 1918, beberapa kelab, kesatuan dan persatuan telah dibentuk antaranya Persekutuan Keharapan Belia (1916) di Johor, Persekutuan Indera Kayangan (1918) di Alor Star, Persekutuan Perbahasan orang Islam Timur, Perikatan Perak 1938, KMM 1938, Kesatuan Melayu Johor (1939) Kesatuan Melayu Selangor, Kesatuan Melayu Singapura SeMalaya. Dalam Kongres Melayu SeMalaya pada 5 hingga 6 Ogos 1939 di Kuala Lumpur, Ishak Haji Muhammad mencadangkan digabungkan persatuan dan kesatuan yang ada dengan Persatuan Melayu Semenanjung (Abdullah Ghazali 1996: 18-22).

Di samping MPSI melahirkan guru-guru Melayu, ianya juga tempat melahirkan golongan menengah Melayu baru. Manakala Maktab Melayu Kuala Kangsar (MMKK) adalah institusi penjajah dengan medium pengajaran dan seluruh orientasinya berpaksikan Barat. MMKK telah ditubuhkan pada 1905 di Kuala Kangsar untuk golongan bangsawan dan elit Melayu. MMKK kemudiannya melahirkan golongan

penggerak politik Melayu secara sederhana. Dato' Onn adalah antara tokoh politik yang merupakan bekas pelajar MMKK.

2. 1. 2 Sosio-Politik Melayu Selepas 1945-1969.

Ketika British kembali ke Tanah Melayu pada 1945, terdapat sebuah parti politik yang pertama iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan pada Oktober 1945 di Jabatan Karang Mengarang dan pentadbiran ‘Suara Rakyat’ (Ahmad Boestamam 1972: 23-24). PKMM diketuai oleh Mokhtaruddin Lasso, Naib Ketua Dr. Burhanuddin Helmy, Setiausaha; Dahari Ali, Bendahari; Arshad Ashaari (Intan 1991:489, Ahmad Boestamam 1972:28, Abdullah Ghazali 1996: 24-25). PKMM menjalankan dasar bekerjasama dengan Indonesia untuk tujuan proklamasi Kemerdekaan. PKMM mengambil sikap anti Inggeris, sehingga menyebabkan ia dianggap sebagai parti radikal. Malah anggota Pemuda PKMM iaitu Angkatan Pemuda Insaf (API) dibawah kepimpinan Ahmad Boestamam dengan lantang akan mengangkat senjata jika perlu (Abdullah Ghazali 1996: 25). PKMM dianggap sebagai pro-komunis kerana Yang Dipertuaanya iaitu Mokhtaruddin Lasso adalah bekas anggota Partai Komunis Indonesia (PKI) yang lari ke Tanah Melayu (Ramlah Adam 1998: 115). Justeru, PKMM tidak mendapat sokongan meluas dari masyarakat Melayu atau mana-mana pertubuhan dan kesatuan Melayu yang ada. Tambahan pula PKMM dikuasai oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang tidak mengambilkira struktur dan hirarki masyarakat Melayu yang terdiri dari raja, pembesar dan rakyat. PKMM cuba membuang kedudukan raja dan mengantikan kepimpinan pembesar dengan rakyat biasa. PKMM cuba menggunakan satu pembaharuan dalam

politik bila menonjolkan kuasa rakyat sebagai dasar struktur dalam pemikiran politik partinya (Ramlah Adam 1998: 188). Satu langkah yang salah yang diambil ialah apabila PKMM menyokong Malayan Union yang ditentang oleh orang Melayu.

Rancangan Malayan Union (MU) yang dicadangkan oleh pihak Inggeris pada 22 Januari 1946, telah mendapat tentangan dari orang Melayu dari satu wadah perjuangan (Ramlah Adam 1978: 2). Penentangan terhadap MU kerana kehilangan kedaulatan raja Melayu dan kehilangan kedudukan sebagai rakyat peribumi kerana kerakyatan MU¹⁰ yang sangat longgar. Untuk menggerakkan penentangan MU, seorang elit bangsawan Melayu Johor telah muncul iaitu Dato' Onn Jaafar. Dato' Onn, Hamzah Abdullah dan Haji Wahab Tok Muda telah membincangkan untuk mengadakan kongres di Melaka. Kongres berkenaan telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur (Abdullah Ghazali 1996: 30-31). Pertemuan telah diadakan pada 1-4 Mac 1946 dengan dihadiri oleh 37 buah persatuan (Ramlah Adam 1992: 5).¹¹ Melalui kongres berkenaan muncul UMNO.¹² Dalam kongres tersebut Dato' Onn telah dilantik sebagai Yang DiPertua UMNO yang pertama. Penentangan MU mendapat dukungan rakyat dan atas nama UMNO dan bangsa Melayu (Musa Hitam 1986: 186). Raja-raja diminta memberikan

¹⁰ Kerakyatan MU ialah; yang lahir dalam negeri-negeri Tanah Melayu; yang pada tarikh dikuatkuasakan perintah Majlis Mesyuarat telah tinggal di sini selama 10 atau 15 tahun yang lalu; yang telah tinggal di negeri Union atau Tanah Jajahan Singapura selama 5 tahun; rakyat Inggeris yang boleh mendapatkan kerakyatan ini tanpa hilang kerakyatan Inggerisnya; Orang-Orang yang mengangkat sumpah setia kepada MU.

¹¹ Lihat lampiran II tentang beberapa persatuan dan kesatuan yang hadir. "...Kongres 1946, adalah pertama kali bagi orang Melayu memikirkan politik secara besar-besaran. Sebelum itu politik mereka hanya terhad kepada hal-hal kedaerahan yang mengenai negeri masing-masing sahaja..." (Tunku 1979: 108).

¹² Di kalangan sarjana, terdapat perbezaan tentang jumlah penyertaan persatuan berkenaan. Ada yang menyatakan 37 buah persatuan (Ramlah Adam 1978: 5) dan ada yang komited dengan 41 buah persatuan (Fawzi Basri, Mohd Idris Salleh & Shafiee Saat 1991: 41 dan Abdullah Ghazali 1996:31). Lihat lampiran tentang senarai lengkap persatuan, kesatuan dan pertubuhan yang hadir.

kerjasama dengan UMNO untuk memulaukan upacara pengisytiharan MU. Beberapa siri rundingan telah diatur oleh UMNO dengan pihak Inggeris. Dalam semua siri perbincangan itu Dato' Onn bertegas menolak MU dan bagi beliau setiap undang-undang Tanah Melayu adalah patut diluluskan oleh 'Federal Council' Tanah Melayu sahaja. Akhirnya Gabenor Jeneral Malcolm Macdonald bersetuju 'Federal Council" berkuasa memutuskan rang Undang-undang Tanah Melayu tanpa campur tangan parlimen British . Persetujuan dari Macdonald menghasilkan penandatanganan Perjanjian Persekutuan pada 21 Januari 1948. Dato Onn' telah mengusulkan beberapa tuntutan UMNO di mana kedudukan negeri Melayu yang dilindungi dapat dicapai dengan pembentukan Persekutuan yang mengabungkan 9 buah negeri (Ramlah Adam 1996: 57). Pihak Inggeris sebenarnya menyenangi pendekatan politik yang dimainkan oleh UMNO kerana sederhana dan konservatif, sedangkan PKMM,¹³ API , PUTERA dan PKM adalah parti radikal kerana dipengaruhi PKM. Lanjutan dari itu Undang-undang Darurat telah diumumkan pada tahun 1948. Perintah darurat ini telah memberi kesan yang besar dalam melumpuhkan usaha provokasi pihak komunis. Undang-undang darurat yang telah diperkenalkan telah mematikan langkah pertubuhan-pertubuhan radikal (Ramlah Adam 1998: 121).

Dato' Onn menyedari kepentingan untuk mengadakan kerjasama antara kaum yang tidak bersifat perkauman. Beliau telah mencadangkan supaya keahlian UMNO

¹³ PKMM telah menarik diri dari gabungan UMNO kerana masalah bendera dan logo UMNO serta UMNO dikatakan dikuasai oleh bangsawan Melayu (Ahmad Boestamam 1972, Ramlah Adam 1998, Fawzi Basri, Mohd. Idris Dalleh & Shafiee Saat 1991, Chamil Wariya 1985, Roff 1975 dan Abdullah Ghazali 1996).

dibuka kepada bukan Melayu. Cadangan ini mendapat tentangan dari anggota UMNO sendiri. Krisis kepimpinan ini menyebabkan beliau keluar dari UMNO dan menubuhkan Parti Kemerdekaan (IMP). Pada tahun 1951, tempat beliau sepatutnya digantikan oleh Tunku (Shaw 1977). Tugas Tunku ialah mengadakan persiapan pilihanraya Kerajaan Tempatan Kuala Lumpur pada 1952. Dalam pilihanraya 16 Februari 1952 ini UMNO telah bekerjasama dengan MCA untuk mengalahkan pesaing politik UMNO iaitu IMP (Shaw 1977: 122). Keputusan pilihanraya 1952 telah menyaksikan 9 kerusi telah dimenangi oleh UMNO-MCA , 2 kerusi oleh IMP (Yusof Harun : 1991:112). Kerjasama yang dijalin antara UMNO-MCA dalam pilihanraya 1952, adalah kerjasama lisan oleh kepimpinan tertinggi kedua-dua parti. Kemenangan UMNO-MCA adalah sebagai indikator bahawa IMP tidak diterima masyarakat. Pada tahun 1953, Perikatan yang sah telah dimaterai antara UMNO dengan MCA dan pada oktober 1954 MIC turut menjadi rakan gabungan. Perikatan menjadi kuat dan teruji melalui pilihanraya Majlis Undangan Persekutuan 1955, Perikatan telah memenangi 51 kerusi dari 52 kerusi yang dipertandingkan (Fawzi Basri 1991: 130-134). UMNO menyedari bahawa tidak perlu bekerjasama dengan MCA dan MIC untuk memperolehi kemenangan tetapi atas dasar perpaduan kaum dan untuk menyakinkan Inggeris bagi mencapai kemerdekaan gabungan parti yang mewakili etnik telah dilakukan. Walau pun di kalangan UMNO tidak menyetujui tindakan Tunku tetapi kerana taat setia pada Tunku sebagai presiden UMNO hal itu diketepikan (Ibrahim Mahmood 1981: 440).

Selepas pilihanraya 1955, usaha Tunku untuk memperolehi kemerdekaan Tanah Melayu menjadi lebih mencabar. Memorandum kemerdekaan telah disampaikan kepada

Setiausaha Tanah Jajahan, Lennox Boyd pada 23 Ogos 1955 (Ramlah Adam 1996: 78-79). Dalam memorandum tersebut terdapat dua perkara yang dituntut iaitu berkerajaan sendiri dan sebuah suruhanjaya bebas merangka perlembagaan Tanah Melayu merdeka. Beberapa peringkat rundingan telah diadakan antara wakil raja-raja Melayu, Perikatan dan pihak Inggeris untuk membentuk Suruhanjaya Reid. Dalam ‘Tastamen Politik Perikatan 1956’ UMNO bersetuju melepaskan kerakyatan ‘jus soli’ terbuka kepada MCA-MIC dan sebaliknya mereka dikehendaki bersetuju dengan UMNO untuk melindungi kedudukan orang Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Islam sebagai agama resmi persekutuan ¹⁴ (Ibrahim Mahmood 1981: 538-565). Lanjutan dari Suruhanjaya Reid, satu perjanjian kemerdekaan Tanah Melayu telah dimaterai pada 5 Ogos 1957 oleh raja-raja Melayu dengan pihak Inggeris di King’s House Kuala Lumpur. Lewat perjanjian itu, Persekutuan Tanah Melayu telah diiktiraf sebagai sebuah negeri merdeka dan berdaulat dan diperintah sendiri. Pada 31 Ogos 1957 proklamasi kemerdekaan telah diadakan di Stadium Merdeka oleh Tunku.

Selepas mencapai kemerdekaan, Tunku dan Perikatan menumpukan perhatian kepada pilihanraya umum 1959. Dalam pilihanraya tersebut Perikatan telah memenangi 74 kerusi dari 104 kerusi yang dipertandingkan dan UMNO mula mendapat saingan dari PAS. Dalam pilihanraya 1959 ini PAS telah berjaya menguasai Kelantan dan Terengganu (Yusof Harun 1991: 216). Manakala dalam pilihanraya 1964 Perikatan memenangi 89

¹⁴ Sekumpulan ahli UMNO tidak bersetuju dengan beberapa kelonggaran dan soal bahasa serta kerakyatan. Mereka telah mengadakan satu kongres Melayu pada 4-7 Mei 1957 di kelab Sultan Sulaiman. Kongres ini disokong oleh PAS, PRM, dan Parti Negara. Kongres ini telah memutuskan supaya soal jus soli diperketatkan, penolakan rakyat komanwel, perlantikan sultan agung seumur hidup, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan wajib diterapkan.

kerusi dari 104 kerusi. Terdapat penambahan kerusi dalam pilihanraya ini yang disebabkan dua faktor iaitu kemasukan undi Melayu dari kemasukan Singapura dan tambahan sokongan kepada Perikatan kerana konfrantasi dengan Indonesia. Faktor kedua ini dapat dilihat dari sudut keengganan orang Melayu atau pengundi Perikatan berada di bawah bendera Indonesia. (Fawzi Basri, Mohd. Idris & Shafiee 1991: 135-136). Kemenangan UMNO dalam beberapa siri pilihanraya menunjukkan bahawa orang Melayu komited terhadap usaha kepimpinan UMNO peringkat awal untuk kepentingan Melayu. Kerjasama politik dalam Perikatan menandakan orang Melayu sanggup bertolak ansur (Syed Husin 1979:38) tetapi dengan tidak menjaskan institusi sosial mereka.¹⁵

2. 2 Sosio-Ekonomi Melayu Sebelum DEB.

2. 2. 1 Sosio-Ekonomi Melayu Sebelum 1945.

Situasi sosio-ekonomi Melayu pada tahap ini menggambarkan serba kekurangan disebabkan oleh dua faktor utama. Faktor pertama ialah sistem sosio-ekonomi tradisional yang diwarisi oleh orang Melayu sejak sebelum kolonial.¹⁶ Bagi negeri-negeri Melayu yang menjalankan sistem beraja mereka menjalankan sistem pembesar daerah yang dilantik oleh sultan untuk mengutip cukai atau membuka satu-satu petempatan agraria (Gullick 1970: 11). Cara yang diamalkan ialah golongan yang diperintah mengeluarkan

¹⁵ Sikap Tunku yang suka berkompromi dengan orang-orang Cina walau pun dalam banyak hal menjaskan kepentingan ekonomi orang-orang Melayu sendiri (Yusof 1991: 211)

¹⁶ Sebelum kedatangan Inggeris negara ini mempunyai sistem ekonomi campuran cukup untuk makan yang berasaskan agraria luar bandar dengan sedikit kegiatan perlombongan di pekan-pekan utama di sepanjang pantai Barat (Chamil Wariya 1987: 6)

hasil untuk pemerintah dalam bentuk persembahan dan cukai yang dibayar kepada raja melalui pembesar daerah yang bertanggungjawab sebagai pelindung (Roff 1967: 1-2). Implikasi dari polisi ini ialah rakyat hanya bekerja untuk pemerintah sedangkan dari pemerintah pula tidak ada sebarang perubahan baru yang dilakukan untuk kepentingan rakyat. Visual budaya selesa dengan apa adanya tanpa ada usaha ke arah memperbaiki keadaan sosio-ekonomi. Kedua; kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu seiring dengan kehadirannya dengan membawa sistem ekonomi kapitalis. Institusi raja tidak dihapuskan tetapi telah dimanipulasikan dengan tujuan untuk mengambil segala hasil bumi untuk kepentingan kolonia, tanpa mengambil kira kepentingan dan keadaan sosio-ekonomi Melayu.

Di lain pihak kegiatan ekonomi wang (kapitalis) yang diterapkan oleh pihak British telah menjadikan masyarakat Melayu berusaha keras bagi mengeluarkan hasil getah dan bijih timah dengan mengabaikan pertanian sawah padi dan nelayan. Namun, ruang lingkup mereka tidak jauh berubah dan tetap sebagai ‘kuli’ (Abdul Shukor & Hassan 1982: 308-309). Pengenalan sistem ekonomi kapitalis mendatangkan kesan yang mendalam pada orang Melayu kerana mereka tiada hak dan upaya mengawal harga, semuanya ditentukan oleh pihak kolonial. Ini mengakibatkan orang Melayu terus miskin. Tanah Melayu yang berpotensi dijadikan oleh Inggeris untuk tanaman ladang. Penumpuan tugas yang dipaksa untuk tujuan ekonomi ladang menyebabkan tanaman agraria terabai manakala tanah itu pula menjadi harta yang dibolot oleh golongan borjuis tempatan dan imigran. Kuasa politik yang diambil oleh pihak penjajah juga berarti kuasa ekonomi feudal turut hilang. Terjadi perubahan terhadap struktur sosial Melayu

apabila sistem pendidikan Inggeris dan vernakular dibentuk. Malah struktur sosial berkenaan semakin pelbagai apabila imigran Cina dan India digunakan oleh Inggeris untuk menguasai potensi ekonomi. Oleh kerana mereka dibawa oleh Inggeris golongan ini mendapat perhatian lebih, malah mereka ini akan dibantu pula oleh Inggeris (Shamsul 1982: 337-338).¹⁷

Pendidikan vernakular Melayu yang diperkenalkan oleh British adalah semata-mata untuk memenuhi polisi politik penjajah (Intan 1991: 774). Anak Melayu lepasan sekolah Melayu pulang ke kampung halaman masing-masing bekerja sebagai petani, buruh, guru, polis atau peon (Intan 1991: 775-776). Ini menyebabkan orang Melayu kekal di kawasan desa sebagai pewaris tugas sebagai petani¹⁸ atau pekebun getah (Shamsul 1982: 338). Akibat desakan ekonomi menyebabkan ramai pula di antara mereka yang menjual tanah, bergadai, meminjam wang dari tuan tanah, orang tengah, dan ceti untuk keperluan asas dan persekolahan anak. Bagi yang mendapat pendidikan Inggeris adalah dari golongan bangsawan Melayu yang berkemampuan. Di MMKK (1905) mereka juga diajar nilai dan tatacara kehidupan model Barat. Mereka yang menuntut di sini dipersiapkan untuk membantu birokratik kolonial (Khasnor 1984: 69) tetapi hanya untuk jawatan rendah sahaja. Jenjang sosial dan manipulasi yang sedemikian itu tidak mendukung kepada perkembangan sosio-ekonomi Melayu di tahap ini. Ia sebaliknya mencerminkan pengaruh kuasa kelas pertengahan dan atasan dari

¹⁷ Sila lihat lampiran III untuk membandingkan jenis pekerjaan di antara kaum utama di Tanah Melayu di antara tahun 1931 dengan 1947.

¹⁸ 70 peratus orang Melayu bekerja sebagai petani, mengusahakan tanah tidak menguntungkan dan jahil kaedah moden (Shaw 1977: 305).

sistem kapitalis Barat (Chandra Muzaffar 1992: 24).

Sekitar tahun 1920-an hingga 1940-an aksistensi ekonomi orang Melayu adalah tidak memberangsangkan. Kebanyakan orang Melayu adalah sebagai petani, nelayan, pekebun kecil¹⁹ dan terlibat dalam sektor perburuhan (Shamsul 1982: 338). Kedudukan yang agak baik sedikit adalah sebagai guru dan peon²⁰ dan tempat kerja mereka adalah di daerah masing-masing. Permasalahan sosio-ekonomi Melayu sering dibincangkan dalam akhbar tempatan seperti Al-Imam (1906), Neraca (1911-1915), Utusan Melayu (1907-1922) dan Lembaga Melayu (1914-1931) (Abdullah Ghazali 1991: 17-18). Selain itu terdapat pula Majalah Guru (1924) yang menyuarakan perpaduan bangsa Melayu dan mencapai matlamat sosio-ekonomi, Warta Malaya (1930-1941), Majlis (1931-1941), Lembaga Malaya (1939-1941) yang mengemukakan kritikan terhadap sosio-ekonomi. Dato' Onn melalui Warta Malaya dan Lembaga Malaya turut menuntut pengagihan jawatan yang lebih banyak dalam administrasi negara kepada orang Melayu. Sekitar tahun 1920-an dan 30-an terdapat usaha untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi Melayu (Ramlah Adam 1996: 1-3). Pada tahun 1913, Abdul Majid Zainuddin seorang guru di MMKK mencadangkan perlunya Syarikat Perniagaan dan Pertukangan Melayu (Abdullah Ghazali 1996: 20). Pada pertengahan tahun 1920-an Abdullah Haji Dahan iaitu Undang Luak Rembau, mengasaskan Syarikat Perbaikan Hidup Negeri Sembilan (Roff 1975: 71) manakala pada tahun 1925 Maharani Company telah ditubuhkan di Muar dengan modalnya dalam bentuk 5,000 saham. Orientasi syarikat ini membeli kebun

¹⁹ Tanaman popular pekebun kecil di sekitar tahun 1920-an hingga 1940-an adalah terdiri dari getah dan kelapa.

²⁰ Kedua-dua jawatan ini sudah dianggap berprestasi bagi lepasan dari sekolah Melayu.

getah, mengendalikan perniagaan dan mendirikan madrasah (Abdullah Ghazali 1996: 20). Tetapi tidak menampakkan hasil kerana kekurangan kemudahan untuk beroperasi. Justeru itu keadaan masyarakat Melayu masih belum terbuka lantaran sistem pendidikan yang bersifat dualisme dan sistem kehidupan tradisi Melayu yang menetap dalam kelompok keluarga sendiri iaitu anak-anak akan tinggal berdekatan dengan ibu bapa atau tinggal dalam satu bidang tanah keluarga yang masih konservatif sifatnya serta orang Melayu yang terus tinggal dalam lingkungan ekonomi tradisi.

2. 2. 2 Sosio-Ekonomi Melayu Selepas 1945.

Pada tahap ini terdapat beberapa perkembangan dalam mewarnai situasi sosio-ekonomi Melayu. Bertolak dari asas bahawa orang Melayu yang ketinggalan dalam bidang Ekonomi seperti masalah kemiskinan, pengangguran (Yusof 1991: 210-211), kemunduran sektor desa, buta huruf, pelajaran (Shamsul 1982: 338-339) malah beberapa sarjana lain turut merujuk hakikat kemiskinan Melayu (Ramlah Adam 1996: 3) dalam kajian-kajian mereka.²¹ Pada peringkat ini sudah mula kelihatan usaha-usaha UMNO untuk mengatasi masalah kemunduran orang Melayu. Kajian dalam sub bab ini bukan menganalisis berjaya atau gagalnya usaha berkenaan tetapi adalah melihat dari sudut lintasan historis perkembangan sosio-ekonomi Melayu selepas 1945 hingga kepada tahun 1969. UMNO telah menubuhkan Jabatan Ikhtisas pada 28 Julai 1946²² dengan fokus

²¹ Lihat tulisan-tulisan antaranya Ungku Abdul Aziz (1962), Swift (1963), E.K Fisk (1964) dan Raymond Firth (1966).

²² Fungsi jabatan ini meliputi berbagai bidang yang mengarah kepada agraria moden dan orientasi perniagaan kecil.

utama ialah menyelidik dan memperbaiki industri kecil di kampung seperti barang kesenian, kerajinan, pemilihan biji benih padi, getah dan kelapa. Mengubahsuai kedai runcit dan kedai kopi di kampung-kampung. Jabatan ini juga meninjau peluang perkhidmatan pengangkutan awam seperti teksi, dan bas. Bahagian perniagaan dan perusahaan dibentuk di bawah jabatan ini yang beroperasi membangunkan perniagaan Melayu. Di bidang pendidikan, UMNO telah mengeluarkan biasiswa UMNO kepada anak-anak Melayu untuk belajar di MMKK, Maktab Reffles, India, Mesir dan England (Ramlah Adam 1978: 73).

Dalam aspek kebajikan UMNO cuba memproteksi Tanah Rezab Melayu. Semasa pendudukan Jepun dahulu tanah ini diduduki oleh orang Cina dan orang India. Apabila perang tamat, tanah ini seolah menjadi bukan milik Melayu. Bila keadaan ini dibiarkan, hak material Melayu semakin berkurang. Beberapa buah Persatuan Melayu Negeri pada tahun 1947 mendesak UMNO mengetatkan kawalan kemasukkan buruh kerana mengancam peluang kepada rakyat tempatan. Hasilnya pada bulan Mac 1947 Jabatan Buruh telah dibentuk. Selain berfungsi mengawal kemasukkan buruh asing, ia juga memastikan orang-orang Melayu mendapat jawatan baik dalam kerajaan dan memastikan gaji mereka berpatutan. Akhir tahun 1940-an Dato' Onn berusaha melobi pihak Inggeris untuk membantu menaikkan sosio-ekonomi Melayu. Dua cadangan Dato' Onn iaitu kerajaan Inggeris hendaklah menyediakan dana sebanyak 10 juta setiap tahun untuk tujuan pembangunan sosio-ekonomi Melayu. Alasan cadangan ini ialah supaya pihak Inggeris membalaas budi terhadap Tanah Melayu yang telah banyak menghasilkan

sumber ekonomi untuk pasaran mereka. Cadangan kedua supaya Inggeris membentuk bank tanah dengan tujuan untuk mengambil kembali tanah-tanah orang Melayu yang tergadai kepada orang Cina dan Eropah (Shamsul 1982: 338-339). Tetapi kedua cadangan Dato' Onn itu ditolak oleh Inggeris. Inggeris bersetuju untuk membantu orang Melayu dengan syarat UMNO menyetujui kelonggaran syarat kerakyatan kepada bukan Melayu. Apabila cadangan Inggeris tersebut di terima oleh UMNO maka pada tahun 1950 RIDA (*Rural Industrial Development Authority*) telah dibentuk.²³ Tujuan RIDA membantu memperbaiki kemunduran ekonomi orang Melayu dan menjadi alat pembangunan. Pembentukan RIDA adalah satu percaturan sosio-politik untuk kepentingan Melayu hasil tawar menawar antara Inggeris dan UMNO (Yazid 1992: 29, Fo'ad 1987:16 & Ramlah Adam 1996:9). Dato' Onn sebagai pengurus RIDA telah melantik penghulu dan ketua kampung di setiap mukim sebagai ahli Jawatan Kuasa RIDA. Ini mengambarkan satu peranan ekonomi telah diberikan dalam sistem birokrasi tradisional untuk kepentingan ekonomi Melayu (Ramlah Adam 1996: 12-13). Pada peringkat perlaksanaannya sehingga tahun 1965, RIDA menghadapi berbagai permasalahan yang tidak teratas sehingga RIDA gagal mencapai tujuan (Milne & Mauzy 1992: 372-373).²⁴

²³ Beberapa sasaran RIDA ialah; Mengadakan projek kecil di kampung untuk mendidik orang Melayu supaya terlibat dalam industri kecil, mengadakan kredit jangka pendek dan jangka panjang dengan kadar faedah yang kecil, untuk industri kecil dan agraria, mewujudkan ejen-ejen pasaran, mendirikan kilang-kilang kecil, latihan kepimpinan, meningkatkan infrastruktur, menyampaikan pengetahuan moden terutama di bidang pertanian (Yazid 1992, Ramlah 1996, Gale 1984).

²⁴ RIDA diharapkan mengatasi masalah sosio-ekonomi Melayu telah menghadapi masalah kekurangan sumber manusia sehingga projek di bawah perancangannya tidak dapat dilaksanakan.

Serentak dengan beroperasinya RIDA, pihak Inggeris telah menjalankan rancangan ekonomi di Tanah Melayu iaitu Rangka Pembangunan Persekutuan Tanah Melayu (1950-1955). Rancangan ini diadakan adalah untuk menjaga kepentingan kapitalis Inggeris kerana mereka menguasai perladangan dan perlombongan dengan cara pendapatan melebihi modal. Rangka rancangan ini terbahagi kepada 4 bahagian iaitu pembangunan perkhidmatan masyarakat, sumber-sumber negara, perdagangan dan perindustrian dan rumusan sumber kewangan untuk membiayai rancangan ini. Sebanyak \$ 237.1 juta diperuntukan, di mana sejumlah \$ 214.6 juta sebagai modal dan \$ 22.5 juta sebagai perbelanjaan berulang, manakala peruntukan tambahan sebanyak \$ 169.0 juta (Haflah 1989:10). Dalam rancangan ini kepentingan sosio-ekonomi Melayu diabaikan kerana sektor pertanian di luar bandar tidak diberi perhatian, sebaliknya program di kampung baru dengan tujuan untuk meredam pengaruh komunis dititikberatkan.

Rancangan Malaya Pertama (RMP) 1956-1960. Penekanan utama dalam perlaksanaan RMP adalah untuk pembangunan ekonomi luar bandar. Sebanyak \$ 478.2 juta diperuntukan untuk mencapai objektifnya, antaranya; menyediakan infrastruktur untuk memperbaiki sosio-ekonomi penduduk luar bandar, menyediakan pekerjaan, memperluaskan pasaran hasil pertanian dengan menggalakkan industri, meninggikan *ouput* perkapita dan mengelakan risiko kejatuhan harga getah, memperbaiki serta mengembangkan perkhidmatan sosial yang diperlukan ke arah menyediakan peluang-peluang pekerjaan, pelajaran dan kesihatan (Shamsul 1982:339). Bertolak dari asas bahawa politik Melayu adalah berakar-umbi dari kampung oleh yang demikian pembangunan kampung-kampung adalah penting untuk menjaga hati pengundi (Gibbons

1972). Penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) pada tahun 1956, dapat dilihat sebagai hadiah kepada penduduk luar bandar terutama bagi mereka yang tidak memiliki tanah. Pada tahun 1959 kerajaan telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) Untuk memperbaiki sosio-ekonomi Melayu dengan lebih serius. Rancangan Malaya Kedua (RMK) 1961-1965 adalah lanjutan dari RMP kerana aspek pelaksanaan dan pencapaiannya belum memuaskan (Haflah 1989: 10). RMK bertujuan mempelbagaikan ekonomi pertanian. Mempergiatkan perusahaan pembuatan untuk mengatasi masalah pengangguran dan menjadikan Malaya sebagai negara Industri serta meningkatkan pengeluaran bahan makanan terutama beras (Shamsul 1982: 340). Tujuan dasar ini masih tersirat untuk keperluan Inggeris walau pun negara sudah merdeka.

Rancangan Malaysia Pertama (RMI) 1966-1970 adalah rancangan Malaysia pertama secara menyeluruh setelah kemasukan Sabah dan Sarawak. Tujuan RMI adalah untuk menyemai integrasi di kalangan penduduk di Malaysia dengan melaksanakan rancangan pembangunan khusus untuk kebajikan semua. Dalam rancangan ini sejumlah \$ 4, 242, 4 juta telah diperuntukan (Shamsul 1982: 340-341). RMI bertujuan mewujudkan perpaduan antara kaum, meluaskan perusahaan dan memberi projek perintis (Mohd. Afandi 1992: 38), mengawal pertambahan penduduk dan mempergiatkan penerokaan tanah baru (Abdul Shukor & Hassan 1982: 313). Beberapa instansi ditubuhkan seperti FIDA (*Federal Industrial Development Authority*), Akta Galakan Pelaburan (*Investment Incentive Act*, 1968) dan Lembaga Tarif (*Tariff Advisory Board*) untuk pembangunan Industri.

Kongres Ekonomi Bumiputera I pada 5 hingga 6 Jun 1965 memperlihatkan golongan Bumiputera mulai gelisah terhadap masalah ekonomi terutama dalam bidang perusahaan dan perdagangan (Haflah 1989: 13). Dalam kongres ini kerajaan didesak untuk menimbulkan semangat kesedaran dengan menekankan betapa pentingnya pendidikan dan perniagaan, latihan, khidmat nasihat, panduan, peluang, galakan kepada Bumiputera untuk terlibat dalam perniagaan dan perusahaan. Hasil Kongres ditubuhkan Bank Bumiputera, mengubah peranan RIDA kepada MARA (Yazid 1992). Pada 7 - 8 September 1968 Kongres Ekonomi Bumiputera II pula telah diadakan. Dalam kongres ini beberapa masalah telah dibangkitkan antaranya; Bank Bumiputera yang telah ditubuhkan selepas Kongres Bumiputera I, tidak mahu memberikan kredit kepada bumiputera yang memerlukannya, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan memperkecilkan kemampuan orang Melayu. Di akhir Kongres, Tun Razak mengemukakan tiga cadangan²⁵ iaitu; supaya kerajaan menubuhkan Syarikat Perniagaan Kebangsaan, menyediakan Syarikat Kewangan di bawah jagaan dan pemantauan Bank Bumiputera dan mengambil bahagian dalam kegiatan perniagaan dan ansuran yang menguntungkan.

Kongres Ekonomi Bumiputera I dan II membuka kesedaran kepada kerajaan supaya lebih serius dalam menangani masalah keinginan orang Melayu untuk terlibat dalam perniagaan.²⁶ Seperti yang dijelaskan oleh Funston “*after bumiputra congress*

²⁵ Terdapat usaha kerajaan dalam membentuk satu kelas kapitalis Melayu yang dapat dikaitkan dengan keputusan sebahagian usul yang dikemukakan oleh pemimpin UMNO terdahulu (Jomo 1988:286).

²⁶ Di lain pihak orang Melayu tidak memiliki wang yang cukup untuk hubungan yang membolehkan mereka untuk menceburkan diri dalam perniagaan (Jomo 1988: 283)

June 1965.. Razak to announce the establishment of the Bank to concentrate on advancing loans to bumiputra” (Funston 1980: 61). Beberapa masalah yang dihadapi oleh orang Melayu memerlukan bantuan kewangan dan insentif yang lebih dari pihak kerajaan. Bagi orang Melayu yang baru berjinak dengan perniagaan, mereka tentunya sangat memerlukan sokongan dari pihak kerajaan. Kongres Bumiputera I dan II menjadi titik tolak kepada UMNO untuk melahirkan golongan peniaga dan usahawan Melayu. Dari sini UMNO mula memberikan perhatian yang serius dan antara inisiatif derastik yang dilakukan ialah dengan melibatkan menteri-menteri UMNO sendiri dalam program-program kerajaan. Jika sebelum ini orang Melayu dianggap tidak cenderung untuk bermiaga²⁷ kerana tidak ada panduan asas, tetapi melalui kongres ini ianya telah menjadi panduan asas dalam usaha untuk menjana orang Melayu supaya terlibat dalam dunia perniagaan.

2. 4 Dasar Ekonomi Baru Dan Strategi Sosio-Ekonomi Melayu.

2. 4. 1 Analisa Faktor Dan Sasaran DEB Terhadap Sosio-Ekonomi Melayu.

Walau pun orang Melayu menguasai politik tetapi tidak dalam bidang lain terutamanya ekonomi. Kaum Cina walaupun minoriti tetapi mereka telah menguasai kedudukan ekonomi sejak zaman penjajah lagi dengan memainkan peranan yang besar sebagai monitor aktiviti komersial dan industri (Ahmad Idris 1988: 40). Orang Melayu kebanyakannya adalah sebagai petani, nelayan, pesawah, pekebun getah, pekerja

²⁷ kecenderungan untuk bermiaga tidak ada kepada orang Melayu kerana banyak sebab yang telah terhurai di bahagian awal bab ini.

lombong yang tidak produktif yang hanya bekerja untuk cukup makan. Lantaran itu orang Melayu adalah miskin (Ungku Aziz 1962, E. K Fisk 1964, Shamsul 1982, Lim Lin Lean 1971). Ketakseimbangan ini menimbulkan kecemburuan sosio-ekonomi di kalangan orang Melayu terhadap orang Cina.²⁸ Manakala orang Cina pula tetap menguasai ekonomi kerana ianya merupakan kekuatan yang mereka ada (Firdaus 1991: 56-57). Penguasaan ekonomi oleh orang Cina menyebabkan orang Melayu terus terpinggir jauh (Jomo 1988: 284). Orang Cina menguasai perusahaan dan perniagaan komersial yang mendatangkan keuntungan yang besar terutama di bandar, sedangkan orang Melayu terus tinggal di luar bandar dengan sektor ekonomi tradisional (Leon Comber 1985: 71).²⁹ Keadaan ini menggambarkan terdapatnya monopoli Cina dalam sektor ekonomi. Situasi ini mewujudkan sentimen kaum kerana wujudnya jurang sosio-ekonomi antara orang Melayu dengan kaum imigran lain (Milne & Mauzy 1978: 321-322). Seharusnya orang Melayu mendapat lebih dari itu. Tambahan pula orang Cina mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu dari segi kuota 4: 1 dalam perkhidmatan awam serta usaha-usaha yang dilakukan untuk mengimbangi kedudukan Melayu dan Cina dalam bidang perniagaan. Mereka merasakan mereka telah pun ditindas selama 15 tahun di bawah pemerintahan kerajaan Perikatan. Keadaan ini

²⁸ Lihat lampiran IV untuk membandingkan ketakseimbangan pekerjaan antara kaum ini.

²⁹ Kehidupan tradisi Melayu digambarkan dengan pengelompokan tempat tinggal keluarga. Anak yang sudah berpasangan akan tinggal dengan ibu bapa, mereka akan tinggal dalam sebuah rumah bersama dengan ibu bapa, tinggal menumpang di tanah keluarga atau tinggal dalam tanah milik ibu bapa atau tanah adat. Tradisi ini menyebabkan wujud kelompoknya keluarga dalam suasana yang sama, cara hidup harian yang sama dan pekerjaan yang diwarisi dari kelompok keluarga yang sama. Budaya ini menjadikan peluang-peluang sosio-ekonomi yang ada akan direbut oleh masyarakat yang tidak mengamalkan budaya sedemikian. Tradisi ini menambah faktor ketinggalan dan keterbelakangan orang Melayu dalam mengejar perubahan yang sebelum ini telah menunjukkan kemunduran sosio-ekonomi orang Melayu yang disebabkan oleh faktor demografi dan populasi berkenaan.

semakin menimbulkan kekuatiran jika orang Melayu mengambil semua hak kepunyaan orang Cina, iaitu bidang ekonomi (Gullick 1969:221-241).

Sementara itu kempen pilihanraya 1969 yang berjalan selama enam minggu yang dianggap waktu kempen yang terlalu lama telah diambil kesempatan oleh pembangkang untuk memprovokasikan UMNO, Perikatan dan kerajaan.³⁰ Pada 11 Mei 1969 apabila keputusan pilihanraya diumumkan, pemimpin Perikatan ternyata sangat kecewa kerana di peringkat parlemen mereka kalah 23 kerusi manakala di peringkat Dewan Undangan Negeri, Perikatan kehilangan 79 kerusi. Mereka telah kalah teruk di Kelantan dan Trengganu, kalah sepenuhnya kepada Gerakan di Pulau Pinang, di Selangor mendapat separuh dari 28 kerusi yang dipertandingkan , mendapat 19 kerusi dari 40 kerusi di Perak, kurang beberapa kerusi di Kedah.³¹

Implikasi 13 Mei 1969, sebenarnya telah menyampaikan dua petanda penting terhadap politik negara. Pertama, jika kedudukan sosio-ekonomi Melayu terus diabaikan maka negara akan hancur (Ting dan Chua 1989: 14). Kedua; jika perpaduan kaum tidak dibentuk dan diatur dengan pola yang betul, masalah ketakseimbangan ini akan sukar dihindari (Abdul Shukor & Hassan 1982: 316). Perkongsian kuasa politik dalam Perikatan telah membatasi kepentingan orang Melayu. Pada hakikatnya, dalam

³⁰ Sepanjang perarakan, risalah-risalah, sepanduk telah diedarkan dengan tujuan adalah untuk membakar emosi dan membenci orang Melayu. Antara kata-kata yang tertulis pada sepanduk berkenaan seperti “Regim Tunku Kejam”, “Melayu pergi mampus”, “Ajaran Moa sahaja yang boleh diajar di sini”, “polis anjing buruan kerajaan” (Yusof Harun 1991: 258-259), “Melayu sudah jatuh”, “Kuala Lumpur sekarang Cina punya”. “Ini negeri bukan Melayu punya”, “kita mahu halau orang Malaysia” (Goh Cheng Teik 1971, “Malai Si” dan “Hutang darah dibayar darah” (Leon Comber 1985: 83).

³¹ Untuk perbandingan lanjut lihat lampiran V (A) dan Lampiran V (B).

Perikatan kerjasama politik telah lama berlaku tetapi tidak dalam kerjasama ekonomi. Ini memberi gambaran bahawa orang Cina hanya bersedia bekerjasama dalam bidang politik tetapi tidak dalam hal ekonomi. Sebelum insiden 13 Mei 1969, kerajaan telah mempunyai beberapa rancangan ekonomi tetapi dengan terjadinya insiden 13 Mei ianya telah menunjukkan bahawa rancangan yang dilaksanakan itu telah gagal (Fong Chan Onn 1991: 11). Untuk mencapai pembangunan ekonomi Melayu ianya tidak dapat dilaksanakan dalam keadaan ketakseimbangan sosio-ekonomi antara kumpulan etnik dan kawasan yang semakin luas jurangnya (Haflah 1989: 15). Dengan itu satu program atau dasar pembangunan perlu diwujudkan untuk lebih baik dari rancangan pembangunan yang telah diadakan ³². Dengan itu Dasar Ekonomi Baru telah dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua (RMII) (1971-1975). RMII dan DEB digabungkan menjadi serampang dua mata (Milne dan Mauzy 1992: 375). DEB bukan semata dasar sahaja tetapi ia adalah alat untuk pertumbuhan ekonomi yang tiada matlamat akhir dan ia diperlukan untuk memperbaiki agihan pendapatan negara (Zainuddin & Zulkefly 1983: 161).

DEB mempunyai dua objektif utama iaitu menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat Malaysia bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang supaya dapat mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi (Haflah 1989: 15,

³² Tun Razak mengarahkan Unit Perancang Ekonomi yang di tempatkan di Jabatan Perdana Menteri bagi membentuk satu dasar ekonomi yang benar-benar baru dengan mengingat bahawa sepanjang tahun 1970 objektif ini menjadi asas Rancangan Lima Tahun Malaysia Kedua yang akan dilancarkan pada bulan Januari 1971 (Shaw 1977: 306)

Fong 1991: 11, Ahmad Idris 1988: 47, Shamsul 1976: 47, dan Milne dan Mauzy 1992: 375). DEB adalah satu program Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJPI) untuk pembangunan sosio-ekonomi Malaysia. Dasar ini dirancangkan dengan strategi yang jelas kerana terdapat keselarasan di antara strategi peringkat ekonomi pada keseluruhannya dengan strategi pada peringkat berbagai sektor dalam ekonomi (Haflah 1989: 15). Kategori demografi populasi juga dihapuskan.³³ Melalui dasar ini diharapkan tidak lagi wujud di kalangan kaum sebarang rasa kerugian atau terpinggir (Fong 1991). Melalui DEB kerajaan membuat sasaran dalam proses menyusun semula masyarakat dengan tujuan untuk mewujudkan komuniti Melayu dan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan industri di mana dalam tempoh 20 tahun (1971-1991), matlamat kerajaan untuk melihat pencapaian 30 % penyertaan dalam bidang berkenaan (Lim Mah Hui 1980: 12). Sebagai persediaan perlaksanaan DEB kerajaan telah mengadakan berbagai program yang dapat meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Beberapa program berkenaan telah digolongkan dalam RMKII iaitu; Mengadakan kemudahan kredit, memberi bantuan teknik dan latihan, melaksanakan beberapa langkah birokrasi untuk mendorong pengusaha Melayu dan Bumiputera yang lain supaya dapat bertapak dalam sektor perdagangan dan industri dan menubuhkan serta membesarkan agensi khusus untuk mempercepatkan lagi usaha masyarakat Melayu dan Bumiputera lain terlibat dalam bidang perdagangan dan industri (Fauzi Yaakob 1989: 26-27), juga dalam pasaran modal dengan matlamat pemilikan ekuiti sebanyak 30 % Bumiputera dalam sektor korporat (Ozay Mehmet 1988: 9). Beberapa institusi amanah

³³ Untuk keterangan lanjut sila lihat lampiran vi tentang bilangan dan peratus antara kaum utama di Malaysia.

ditubuhkan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF), Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA), Perbadanan Kemajuan Kredit (CGC), Perbadanan Nasional (PERNAS), Syarikat Ladang Perusahaan Malaysia Sdn. Bhd (MIEL), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan *Urban Development Authority* (UDA).

Berdasarkan pada institusi yang dibentuk, orientasi mengarah kepada kepentingan orang Melayu sehingga langkah yang diambil oleh kerajaan dalam RMII adalah khusus untuk orang Melayu (Milne dan Mauzy 1992: 378). Pada tahun 1974 Tun Razak mengambil alih jawatan Menteri Kewangan yang dipegang oleh MCA. Pengambilalihan jawatan tersebut mengambarkan pengaruh MCA dalam birokrasi ekonomi Malaysia mulai terhapus (Jesudason 1987: 77). Pada tahun 1974 juga Tun Razak telah menubuhkan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS). Penubuhan PETRONAS tepat pada waktunya untuk mengeksplorasi potensi dan sumber ekonomi yang ada untuk kepentingan orang Melayu (Shaw 1977: 314). Tugas melaksanakan kemudahan kredit dikendalikan oleh MIDF, MIEL, UDA, MARA³⁴. Manakala program berorientasikan latihan dan teknik dilakukan oleh PDPN, FIDA, MIDF juga MARA. Di samping itu terdapat juga badan yang multi orientasi seperti MARA³⁵ dan UDA. Di akhir tahun 1974 terdapat 84 perbadanan Awam dengan subsidi manakala 185 bersifat

³⁴ Dalam tempoh 1971-1975 MARA telah mengadakan pinjaman kepada orang Melayu sebanyak \$ 163 juta, MIDF telah meluluskan hampir \$ 70 juta, UDA sebanyak \$15 juta, Bank Bumiputera mengeluarkan pinjaman sebanyak \$ 980 juta.

³⁵ Tentang Mara dan Pernas akan diuraikan pada bab-bab berikutnya.

usaha sama (Lim Mah Hui 1980: 14).

Walaupun DEB muncul dengan imej ekonomi tetapi pada realitinya ia adalah strategi politik yang digunakan oleh UMNO untuk memperbaiki kemunduran orang Melayu dan jalan penyelesaian masalah kepincangan antara kaum. Namun, kewujudan DEB telah dimanipulasi oleh UMNO sebagai kepimpinan politik negara untuk mengatasi kekalutan sosio-ekonomi dan politik, khususnya orang Melayu (Chandra Muzaffar 1992: 23).³⁶ Sementara sistem ekonomi liberal yang diterapkan di Malaysia oleh kapitalis Barat tidak menghalang individu untuk memperolehi kekayaan sebanyak mana yang ia mampu. Cuma, aturan untuk memilikinya yang perlu dilalui dan aturan itu adalah dikawal oleh pemerintah, di mana ada pula prosedur-prosedur tertentu yang harus diikuti untuk melewati aturan berkenaan. Di sinilah letaknya kemampuan terhadap keinginan itu. Jika semuanya dapat dilalui dengan penuh ketelitian, maka individu berkenaan akan memperolehi tujuannya. Begitu juga dengan DEB, ia sebenarnya bukan dasar semata-mata tetapi adalah alat yang dimanipulasikan oleh kepimpinan UMNO untuk kepentingan sosio-ekonomi Melayu. Oleh kerana ia sebagai alat, justeru sudah semestinya ia tidak ada matlamat akhir dan ini terbukti bila DEB tetap berterusan dalam rancangan Malaysia berikutnya.³⁷

³⁶ DEB merupakan satu dasar dari percubaan pendekatan ekonomi politik yang paling penting. Rusuhan kaum yang berlaku dalam tahun 1969, telah memberi gambaran tentang betapa berbahayanya dalam masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum, sikap prejedis timbul daripada perbezaan-perbezaan ekonomi. Kestabilan politik dan masyarakat di Malaysia adalah bergantung kepada langkah-langkah untuk membetulkan perbezaan-perbezaan berkenaan (Ahmad Idris 1988: 3-11)

³⁷ Dasar ini juga dapat digunakan untuk memperbaiki lagi kedudukan golongan yang selama ini mundur dan juga untuk memperbaiki lagi sosio-ekonomi mana-mana golongan yang sudah maju (Abdullah Taib & Mohamed Yusof 1983: 142)